

# Pilihan raya tidak terjejas: PM

8.11 19 FEB 1993

SUBANG, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Tangkahan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), membatalkan notis persempadanan baru kawasan pilihan raya di Semenanjung dan Sabah, tidak menggugat perjalanan pilihan raya negara ini.

Menurut Perdana Menteri, jika hendak diadakan pilihan rayasekarang, kerajaan boleh menggunakan kawasan pilihan raya sedia ada.

Berkata kepada pemberita setbanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini hari ini, selepas menamatkan lawatan rasmi

selama seminggu ke Bangladesh dan Pakistan, beliau berkata:

“Pembatalan notis itu kerana kerajaan mengikat diri dengan peraturan dan undang-undang sehingga sesuatu perkara yang membabitkan urusan teknikal tidak dapat dilaksanakan.

“Kadang-kadang masalah teknikal mengganggu kita dalam urusan sempadan pilihan raya. Kita begitu mengikat diri sehingga perkara yang jelas membabitkan teknikal menyebabkan kerajaan tidak dapat melaksanakan sesuatu,” katanya

Bagaimanapun katanya, kerajaan tidak akan

membelakangkan undang-undang dan peraturan.

“Saya tidak bercadang membelakangkan undang-undang dan peraturan tetapi dalam perkara semacam ini sepatutnya kita berhati-hati mengenai urusan yang bersangkutan undang-undang.

“Kita harus menerima kenyataan bahawa apabila sesuatu perkara itu berlaku hanya kerana urusan teknikal, kita mempunyai sedikit ke-longgaran (flexibility),” katanya.

Perdana Menteri menengulas langkah SPR membatalkan notis persempa-

danan baru pilihan raya itu yang diumumkan oleh Pengerusi SPR, Datuk Harun Din, Selasa lalu. Ini berikutan berlakunya pertindihan undang-undang berhubung pelaksanaan Seksyen 3, Akta A837 Perlembagaan (Pindaan) 1992.

Ditanya mengenai mak-sud beliau dengan ungkapan ‘kelonggaran’ itu, Dr Mahathir berkata: “Kadang-kadang macam siapa tersilap tulis tarikh atau kadang-kadang kertas yang ditunjukkan adalah kertas yang tiada tandatangan walaupun sebenarnya ada tanda-

**LIHAT MUKA 2**

## Mahathir cabar Kit Siang letak jawatan

**DARI MUKA 1**

tangan. Semua itu adalah teknikal”.

Menjawab pertanyaan sama ada perkara itu adalah satu kerugian terhadap negara, Dr Mahathir berkata, dalam pentadbiran sesebuah negara kesilapan yang berlaku merugikan semua pihak dan wang rakyat.

Mengenai cabaran Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, supaya Pengerusi SPR, Datuk Harun Din, meletakkan jawatan, Perdana Menteri berkata: “Saya mencabar Lim meletakkan jawatan Setiausaha Agung dan memegang jawatan Pengerusi.

“Nampaknya kedudukan Setiausaha Agung lebih besar daripada Pengerusi. Memang di negara Komunis pada masa lalu, jawatan Setiausaha Agung lebih besar, tetapi sistem komunis sudah melampaui masa. Ia patut digugurkan dan balik ke asal.

“Tidak ada masalah (pembatalan notis). Lim Kit Siang, tidak akan menang. Dia akan terus gagal sama ada kita tambah kerusi atau kurangkan. Kalau kurangkan pun, Lim Kit Siang akan kalah,” katanya.

Mengulas keputusan Kabinet semalam yang mengarahkan semua tindakan diambil bagi mengatasi krisis tenaga di seluruh negara, Dr Mahathir berkata, perkara itu adalah satu perkara kritikal yang memerlukan tindakan tegas untuk mengatasinya.

“Kabinet akan memastikan laporan dibuat mengenai kejadian itu yang berlaku di seluruh negara,” katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun yakin masalah itu akan dapat diatasi, termasuk dengan meluluskan permintaan Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk membuat turbin baru walaupun ia akan mengambil masa.